

Ahli politik gemar tafsir sendiri al-Quran

Oleh Faiza Zainudin

BH 20/2/03

PENDANG: Golongan politik dan pengamal ajaran sesat dikenal pasti paling cenderung mentafsir al-Quran demi kepentingan diri dan dianggap berbahaya kerana mampu memecah-belahkan umat Islam sekali gus mengancam keselamatan negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin, berkata golongan berkenaan cenderung menggunakan kefahaman mereka untuk membuat tafsiran terhadap hadis sahih dan al-Quran, sekali gus menyumbang kepada perpecahan umat Islam

pada masa kini dan hadapan.

Justeru, katanya, kerajaan akan memperhebatkan usaha memantau golongan terbabit supaya tindakan mereka itu tidak melampaui garis panduan yang ditetapkan ulama sehingga mampu menjejaskan keselamatan negara.

“Sekiranya mereka terus mengamalkan tafsiran agama bukan berdasarkan asas dalam ilmu tafsiran Hadis dan al-Quran, maka kesan kehidupan umat Islam khususnya masyarakat Melayu akan berpecah-belah dan berpuak-puak.

“Ini kerana mereka tidak mengambil kira akibatnya kepada agama, bangsa dan negara kerana apa yang penting matlamat

untuk mencapai cita-cita politik terhasil biarpun dengan usaha memeralatkan agama,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berkata, perpecahan umat Islam hari ini bukan berpunca daripada ajaran Islam yang terkandung dalam al-Quran dan hadis sahih tetapi tafsiran berbeza dan bertentangan oleh golongan terpelajar.

Dr Mahathir berkata, ada pentafsir bersikap takbur sehingga tidak boleh ditegur kerana mendakwa mereka saja yang tahu agama dan tafsiran orang lain tidak betul.

Abdul Hamid berkata, golongan politik dan pengamal ajaran sesat sama bahayanya kepada negara ini kerana tafsiran yang dilakukan mengikut acuan mereka sendiri yang jelas merosakkan akidah.

“Oleh itu, kerajaan akan terus memberi penjelasan dan kesedaran kepada orang ramai mengenai perlakuan salah tafsir al-Quran dan hadis, tanpa mengira golongan terbabit.

“Menerusi penerangan ini, diharapkan pentafsir atau penterjemah al-Quran dan hadis akan mengikut garis panduan yang ditetapkan ulama supaya tidak timbul kekeliruan dan kesesatan dalam beragama di masa akan datang,” katanya.